

KUPASAN MUTU JAWAPAN

**SEJARAH 2
1249/2**

SPM 2017

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran : 1249/2
Bentuk Ujian : Ujian Subjektif
Markah Penuh : 100 Markah
Masa : 2 Jam 30 Minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 2 mengandungi 2 bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.


Bahagian A : 4 soalan struktur.
Setiap soalan struktur mempunyai 3 hingga 4 pecahan soalan.
Semua soalan wajib dijawab.
Skor setiap soalan ialah 10 markah.

Bahagian B : Mengandungi 7 soalan esei.
Setiap soalan esei mempunyai 3 hingga 4 pecahan soalan.
Jawab 3 soalan sahaja.
Skor setiap soalan ialah 20 markah.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1(a)

Kawasan berlorek dalam Peta 1 menunjukkan lokasi tamadun Hwang Ho di China.



Peta 1

(a) Namakan bandar yang bertanda:

- (i) X
- (ii) Y

Soalan mengkehendaki calon menamakan bandar berdasarkan lokasi yang ditanda dalam peta. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 4 Bab 1. Calon perlu **mengetahui nama bandar dan lokasi bandar dengan tepat.**

Contoh Jawapan

(a) Namakan bandar yang bertanda:

- (i) X *Anyang*
- (ii) Y *Loyang*

Calon dapat menyatakan nama bandar berdasarkan lokasi yang ditanda dalam peta dengan tepat.

Soalan 1(b)

(b) Mengapakah bandar di 1(a) dibina di lembangan sungai?

.....

.....

.....

.....

Soalan meminta calon memberi sebab-sebab bandar tersebut dibina di lembangan sungai. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 4 Bab 1. Sebab-sebab yang dikemukakan hendaklah disertai dengan huraian yang lengkap.

Contoh Jawapan Cemerlang

Bandar itu dibina di lembangan sungai kerana tanah yang subur di sana sesuai untuk pertanian. Selain itu, lembangan sungai juga memudahkan penduduk untuk menggunakan pengangkutan air. Seterusnya, air sungai merupakan bekalan air minuman penduduk. Di samping itu, saliran air dari sungai dapat memudahkan penduduk untuk menanam tanaman.

Calon dapat menyatakan **sebab** bandar-bandar tersebut dibina di lembangan sungai dengan tepat. Jawapan yang dikemukakan oleh calon dijelaskan dengan lengkap.

Perlu jelaskan atau perincikan jawapan cemerlang. Contoh isi disertakan dengan huraian.

Contoh Jawapan Sederhana

Bandar Anyang dibina di lembah sungai kerana lembah sungai membekalkan sumber air kepada penduduk. Hal ini demikian kerana bekalan air boleh mengalir tanah supaya tanah menjadi subur. Selain itu, penduduk homah akan bertempul di lembah sungai dan menetap di sana atas kesuburan tanah dan bekalan air yang dicukupi. Hal ini demikian kerana aktiviti penanaman dan pertanian perlulah tanah yang subur dan bekalan air yang dicukupi. Oleh itu, perkembangan sosial daripada sebuah penempatan kepada bandar Anyang atas kepadatan

Jawapan yang dikemukakan oleh calon **tidak mencukupi isinya dan berlaku pengulangan isi**. Perlu menyatakan berapa isi yang jelas untuk calon mendapat markah penuh.

Soalan 1(c)

(c) Terangkan sumbangan tamadun Hwang Ho kepada dunia dalam bidang pertanian.

.....

.....

.....

.....

Soalan mengkehendaki calon menerangkan sumbangan tamadun Hwang Ho kepada dunia dalam bidang pertanian. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 4 Bab 1. Calon perlu menyatakan sumbangan tamadun beserta huraian dan contoh yang tepat.

Contoh Jawapan Cemerlang

Sumbangan tamadun Huang Ho kepada dunia dalam bidang pertanian ialah penemuan teknologi pembajakan. Hal ini demikian kerana pembajakan dapat menyuburkan tanah. Selain itu, penemuan alat pertanian seperti cangkul dan sabit. Hal ini demikian kerana kemajuan alat pertanian dapat mempercepatkan penanaman dan pertanian. Seterusnya, sistem terusan air yang mantap. Hal ini demikian kerana sistem terusan air telah membekalkan air yang dicukupi untuk mengairi tanah pertanian.

Calon dapat mengemukakan **sumbangan tamadun** yang berkaitan dengan soalan dengan tepat dan sumbangan tersebut diperjelaskan berserta contoh yang sesuai.

Contoh Jawapan Sederhana

Sumbangan tamadun Huang Ho dalam pertanian adalah membina pengirai. Selain itu, kejayaan pembajakan dan penemuan cangkul. Penggunaan sabit telah dirumitkan. Selain itu penemuan alat pertanian seperti cangkul daripada kayu ke logam.

Jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak mencukupi isinya. Berlaku **pengulangan isi jawapan**.

Soalan 2(a)

Maklumat berikut berkaitan dengan bahasa Sanskrit di Asia Tenggara.

Teks abad ketujuh yang dijumpai di Sumatera dan Bangka dan lewat sedikit di Jawa dan Filipina, membuktikan wujudnya hubungan yang rapat antara bahasa Melayu lama dengan bahasa Sanskrit.

Sumber: *The Encyclopedia of MALAYSIA, EARLY HISTORY* hal. 102.

(a) Beri **dua** contoh istilah bahasa Sanskrit yang digunakan dalam bahasa Melayu.

- (i)
- (ii)

Soalan meminta calon menyatakan dua contoh bahasa Sanskrit yang digunakan dalam bahasa Melayu. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 4 Bab 3.

Contoh Jawapan

(a) Beri **dua** contoh istilah bahasa Sanskrit yang digunakan dalam bahasa Melayu.

- (i) Istilah 'sengsara' daripada perkataan sanskrit 'Samsara'.
- (ii) Istilah duka daripada perkataan sanskrit 'dukka'.
- (iii) Istilah derhaka.

Calon dapat mengemukakan contoh **istilah bahasa Sanskrit** yang digunakan dalam bahasa Melayu dengan tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh tugas.

Soalan 2(b)

Mengapakah bahasa Sanskrit mempengaruhi bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain di Asia Tenggara?

.....

.....

.....

.....

Soalan meminta calon menjelaskan sebab bahasa Sanskrit boleh mempengaruhi bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain di Asia Tenggara. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 4 Bab 3. Sebab-sebab yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan huraian dan contoh yang bersesuaian.

Contoh Jawapan Cemerlang

Bahasa Sanskrit mempengaruhi bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain di Asia Tenggara kerana bahasa Sanskrit digunakan oleh para pedagang dari India. Pedagang-pedagang tersebut telah menjalankan perniagaan di seluruh Asia Tenggara termasuklah Tanah Melayu. Mereka juga telah tinggal di Tanah Melayu untuk menunggu pertukaran angin monsun. Oleh itu, mereka telah bergaul dan berkahwin dengan penduduk tempatan. Bahasa Sanskrit juga tersebar melalui agama Hindu. Hal ini kerana penduduk Asia Tenggara telah memeluk agama Hindu dan mengambil amalan-amalan yang menarik untuk diubahsuai ke dalam budaya sendiri termasuklah bahasa Sanskrit.

Calon dapat mengemukakan isi jawapan yang tepat berkaitan dengan **sebab bahasa Sanskrit boleh mempengaruhi bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain di Asia Tenggara**. Jawapan yang dikemukakan diberikan penjelasan yang terperinci.

Contoh Jawapan Sederhana

Bahasa Sanskrit mempengaruhi bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain di Asia Tenggara kerana bahasa tersebut mudah untuk difahami. Pedagang-pedagang mudah untuk berkomunikasi dengan satu sama lain.

Calon hanya mampu memberikan **sebahagian** daripada isi jawapan yang diperlukan. Calon hanya menyatakan sebab bahasa Sanskrit boleh mempengaruhi bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain di Asia Tenggara **tanpa menjelaskannya**.

Soalan 2(c)

Kewujudan bahasa Sanskrit di Asia Tenggara telah meningkatkan pencapaian dalam bidang intelek masyarakat tempatan.

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

Soalan meminta calon membuktikan kebenaran pernyataan bahawa bahasa Sanskrit telah membantu meningkatkan pencapaian intelektual masyarakat di Asia Tenggara. Calon perlu menyatakan fakta yang tepat untuk menyokong pernyataan yang diberi.

Contoh Jawapan Cemerlang

Bukti penyujatan bahasa Sanskrit di Asia Tenggara telah.....
meningkatkan...pencapaian...dalam...bidang...intelekt...masyarakat
tempatan...ialah...perjumpaan...batu-batu...berurat di...Kutei,...
lembah Bujang dan Palembang. Batu berurat mengandungi.....
pemerintahan, undang-undang, raja dan keturunan. Sebagai
contoh, batu berurat di Kutei mempunyai
maklumat tentang keturunan raja. Batu berurat di
Palembang pula mengandungi maklumat tentang
pemerintahan raja dan amalan raja kepada pembesar
dan rakyat supaya tidak menderhaka raja. Selain itu,
bahasa Sanskrit telah digunakan dalam bidang kesuasteraan
seperti Mahabharata dan Ramayana. Tambahan pula,
masyarakat tempatan juga menggunakan bahasa
Sanskrit dalam keagamaan. Bahasa Sanskrit
digunakan ~~di~~ oleh masyarakat tempatan untuk
berkomunikasi ~~seho~~ untuk menyampaikan sesuatu
ilmu.

Calon berjaya mengemukakan bukti bagi menyokong pernyataan bahawa bahasa Sanskrit telah membantu meningkatkan pencapaian intelektual masyarakat di Asia Tenggara. Bukti yang dikemukakan diberikan penjelasan dengan contoh yang bersesuaian.

Contoh Jawapan Sederhana

Buktinya ialah kemunculan golongan intelek di Asia Tenggara
yang menghasilkan karya yang berbahasa Sanskrit. Selain itu,
beberapa perkataan bahasa Belayu yang berasal daripada bahasa
Sanskrit juga membuktikan pernyataan tersebut.

Calon hanya mengemukakan sebahagian daripada isi yang dikehendaki tanpa menjelaskan isi-isi tersebut.

Soalan 3(a)

Sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka diwarisi oleh Negeri-Negeri Melayu yang lain.

(a) Nyatakan dua buah negeri di Malaysia yang mewarisi sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

(i).....

(ii).....

Soalan meminta calon menyatakan dua buah negeri di Malaysia yang mewarisi sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 5 Bab 3.

Contoh Jawapan

(i) Johor.....

(ii) Pahang.....

Calon dapat menyatakan negeri-negeri di Malaysia yang mewarisi sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dengan tepat.

Soalan 3(b)

Jelaskan bukti yang menunjukkan bahawa negeri-negeri di 3(a) mewarisi sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

.....

.....

.....

.....

Soalan mengkehendaki calon mengemukakan bukti yang menunjukkan negeri-negeri tersebut mewarisi sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 5 Bab 3. Bukti-bukti yang dikemukakan hendaklah diberikan penjelasan.

Contoh Jawapan Cemerlang

Negeri-negeri tersebut mengamalkan ^{sistem} pemerintahan bergaji dan menggunakan gelaran sultan. Selain itu, waris pemerintah mementingkan jurai keturunan sebelah bapa. Oleh itu, putera dan pemaisuri dapat mewarisi takhta kerjaan. Sekiranya, sultan tidak mempunyai putera, adik lelaki sultan boleh mewarisi takhta tersebut. Negeri-negeri tersebut juga mengamalkan sistem pembesar empat lipatan.

Calon dapat mengemukakan bukti yang menunjukkan negeri-negeri tersebut telah mewarisi sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dengan tepat. Bukti yang dikemukakan telah **diberikan penjelasan yang terperinci**.

Contoh Jawapan Sederhana

Bukti yang menunjukkan bahawa negeri-negeri di 3(a) mewarisi sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka adalah raja merupakan pemerintah tertinggi di negeri-negeri tersebut. Selain itu, raja berkuasa mutlak. Seterusnya, raja berkuasa dalam semua bidang. Di samping itu, negeri-negeri tersebut mengamalkan sistem undang-undang yang sama. Selain itu, raja diwarisi oleh anak lelaki raja atau saudara yang muda.

Calon hanya mengemukakan sebahagian daripada isi yang diperlukan dan bukti-bukti tersebut **tidak diberikan penjelasan**. Malahan berlakunya **pengulangan isi** walaupun dalam ayat yang berlainan tetapi membawa maksud yang sama.

Soalan 3(c)

Bezakan sistem pemerintahan beraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan sistem pemerintahan beraja yang diamalkan di Malaysia pada masa ini.

.....

.....

.....

.....

Soalan mengkehendaki calon membezakan sistem pemerintahan beraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan sistem pemerintahan beraja di Malaysia pada hari ini. Calon dikehendaki membuat perbandingan setara bagi aspek-aspek yang diperbandingkan.

Contoh Jawapan Cemerlang

..... Ketua negara pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah Sultan
..... manakala ketua negara pada masa ini ialah Yang di-Pertuan Agong.
..... Ketua negara dibantu oleh pembesar pada zaman Kesultanan Melaka
..... manakala pada masa ini di Malaysia ketua negara dibantu oleh
..... kabinet.

Calon berjaya membuat **perbandingan setara dengan tepat** berkaitan sistem pemerintahan di zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan sistem pemerintahan beraja di Malaysia pada hari ini.

Contoh Jawapan Sederhana

pada zaman Kesultanan Melayu Melaka,
Raja berkuasa mutlak. Selain itu Raja
dikantu oleh sistem pembesar empat Lapanan.
Raja juga bertindak sebagai ketua tertinggi
pentadbiran. Raja pada zaman itu
juga berkuasa melantik pembesar.

Isi jawapan yang dikemukakan oleh calon melebihi daripada jumlah yang diperlukan oleh kehendak tugas tetapi hanya **merujuk kepada satu pihak sahaja** iaitu sistem pemerintahan beraja di zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Soalan 4(a)

Badan Kehakiman di Malaysia merupakan satu daripada badan kerajaan (badan pemerintah). Sistem kehakiman moden Malaysia bermula apabila *Royal Charter of Justice* 1807 dikeluarkan.

Sumber: *Sejarah Kehakiman Malaysia*: <http://www.kehakiman.gov.my/node/531>

(a) Jelaskan kuasa Badan Kehakiman.

.....
.....

Soalan mengkehendaki calon mengemukakan bidang kuasa Badan Kehakiman. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 5 Bab 7. Bidang kuasa Badan Kehakiman yang dikemukakan perlu diberikan penjelasan.

Contoh Jawapan Cemerlang

Kuasa Badan Kehakiman ialah mentafsir Perlembagaan.....
Persekutuan dan Perlembagaan Negeri. Selain itu, Badan
Kehakiman juga menentukan kesahihan undang-undang
yang dibuat oleh badan Perundangan dan Badan Pelaksanaan.

Calon dapat mengemukakan **bidang kuasa Badan Kehakiman** dengan tepat.

Contoh Jawapan Sederhana

Badan Kehakiman boleh menggubal undang-undang. Selain itu,
Badan Kehakiman juga boleh menjatuhkan hukuman kepada
individu yang melakukan kesalahan.

Calon hanya dapat mengemukakan **sebahagian** daripada jawapan yang dikehendaki oleh tugas. Terdapat juga **kesalahan fakta**.

Soalan 4(b)

Sistem mahkamah diwujudkan oleh Perlembagaan Malaysia untuk melaksanakan tugas kehakiman.

Jelaskan kuasa mahkamah.

.....
.....
.....
.....

Soalan mengkehendaki calon mengemukakan bidang kuasa mahkamah. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 5 Bab 7. Bidang kuasa mahkamah yang dikemukakan perlu diberikan penjelasan.

Contoh Jawapan Cemerlang

Kuasa mahkamah ialah mentafsir Perlembagaan Negara dan mentafsir undang-undang. Selain itu, Mahkamah berkuasa untuk mengisytiharkan undang-undang bertulis Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kuasa mahkamah ialah mengisytiharkan kesalahan tingkah laku Kerajaan di sisi undang-undang. Mahkamah tidak boleh membuat dan meminda undang-undang.

Calon dapat mengemukakan bidang kuasa mahkamah dengan tepat.

Contoh Jawapan Sederhana

Kuasa mahkamah adalah untuk membatalkan undang-undang yang tidak selaras dengan Perlembagaan Malaysia. Selain itu, Mahkamah berkuasa untuk mengisytiharkan undang-undang mengikut Sendraai Persekutuan dan Sendraai Negeri.

Calon hanya dapat mengemukakan sebahagian daripada bidang kuasa mahkamah.

Soalan 4(c)

Badan Kehakiman dan mahkamah berperanan mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat.

Bagaimanakah peranan tersebut dapat dilaksanakan?

.....

.....

.....

.....

Soalan mengkehendaki calon mengemukakan peranan yang perlu dilaksanakan oleh Badan Kehakiman dan mahkamah bagi menjamin pengekalan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat. Peranan Badan Kehakiman dan mahkamah yang dikemukakan perlu diperjelaskan secara kritis serta menunjukkan perkembangan isi yang baik dan mendalam.

Contoh Jawapan Cemerlang

Peranan tersebut dapat dilaksanakan dengan membatalkan undang-undang yang digubal oleh Parlimen yang bercanggah dengan perlembagaan negara. Hal ini ditatakan supaya perkara-perkara dalam perlembagaan negara dapat dilindungi. Contohnya, hak serta kedudukan istimewa orang Melayu serta bumiputera akan dijamin di negara Malaysia. Dengan ini, perpaduan antara kaum dapat dijamin dan keadaan yang aman serta harmonis dapat dkekalkan di negara kita. Bukan itu sahaja, peranan tersebut juga dapat dilaksanakan dengan menjatuhkan hukuman terhadap sesiapa yang didapati menjejaskan keharmonian dan keselamatan negara kita. Dengan menghukum sesiapa yang menceroobh kesejahteraan negara, kita dapat melindungi rakyat negara daripada jenayah yang berpotensi mengancam keselamatan fizikal mereka. Sebagai contoh, rakyat Malaysia tidak akan menjatuh mangsa kepada kes perompakan sekiranya perombak telah ditangkap oleh Badan Kehakiman dan mahkamah.

Jawapan yang dikemukakan oleh calon adalah lengkap dan tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh tugas. Calon berjaya menjelaskan jawapan secara terperinci berserta dengan contoh-contoh yang bersesuaian.

Contoh Jawapan Sederhana

Peranan tersebut dapat dilaksanakan dengan ^{memberi} hukuman yang setimpal kepada pesalah. Dengan ini, pesalah akan menginsafi kesalahan mereka. Pesalah juga tidak berani mengulangi kesalahan kerana tidak hendak dikenakan hukuman lagi. Kesannya, keselamatan masyarakat terjamin dan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat dikekalkan.

Jawapan calon hanya sebahagian daripada isi yang diperlukan oleh tugas. Terdapatnya **pengulangan isi walaupun dalam ayat yang berlainan tetapi masih membawa maksud yang sama.**

Soalan 5(a)

5 Maklumat berikut berkaitan dengan amalan masyarakat Arab Jahiliah.

- Merompak
- Membunuh bayi perempuan
- Penindasan orang kaya terhadap orang miskin

(a) Mengapakah masyarakat Arab Jahiliah melakukan amalan tersebut?

Soalan memberikan tumpuan kepada maklumat yang berkaitan dengan amalan masyarakat Arab Jahiliah iaitu amalan merompak, membunuh bayi perempuan dan penindasan orang kaya terhadap orang miskin. Calon dikehendaki menjelaskan sebab masyarakat Arab Jahiliah melakukan amalan tersebut. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 4 Bab 4.

Contoh Jawapan Cemerlang

Masyarakat Arab Jahiliah juga berakhlak rendah. Hal ini kerana mereka berkibang angkuh, degil dan kejam. Mereka sanggup membunuh bayi perempuan kerana menganggap anak perempuan akan menjatuhkan maruah keluarga. Tambahan pula, amalan merompak merupakan kegiatan yang diwajibkan oleh setop khabilah serta merupakan rata-rata mencari rezeki. Orang kaya pula tentulah mengeksploitasi golongan miskin sehingga menyebabkan orang miskin ditindas.

Calon dapat mengemukakan isi jawapan yang tepat dengan huraian yang lengkap. Jawapan yang dikemukakan oleh calon berdasarkan maklumat yang berkaitan dengan amalan masyarakat Arab Jahiliah sebagaimana yang dikemukakan dalam soalan.

Contoh Jawapan Sederhana

a) Masyarakat Arab Jahiliyah melakukan amalan tersebut kerana mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Selain itu, mereka tidak mengikut ajaran agama yang sesuai. Selalunya, mereka tidak menerima pendidikan semasa kecil. Bukan itu sahaja, mereka tidak mengambil berat terhadap orang lain.

Jawapan calon tidak berdasarkan kepada maklumat yang berkaitan dengan amalan masyarakat Arab Jahiliyah sebagaimana yang dikemukakan dalam soalan. Sebaliknya, jawapan calon bersifat umum yang berkaitan dengan ciri-ciri masyarakat Arab Jahiliyah.

Soalan 5(b)

(b) Bagaimanakah Rasulullah SAW berusaha untuk menghapuskan amalan tersebut?

Soalan mengkehendaki calon menerangkan cara Rasulullah SAW menghapuskan amalan tersebut. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 4 Bab 4. Cara-cara yang dikemukakan perlu diperjelaskan secara terperinci.

Contoh Jawapan Cemerlang

b) Rasulullah S-A-W berusaha menghapuskan amalan tersebut dengan berdakwah kepada mereka untuk beriman kepada Allah dan mengubah cara hidup yang diamalkan menjadi baik dan positif. Rasulullah SAW telah berdakwah secara sulit kepada keluarga terdekat dan sahabat baik. Setelah mendapat wahyu daripada Allah, baginda mula berdakwah secara terbuka tetapi mendapat tentangan hebat terutamanya dari bapa saudaranya, Abu Lahab. Baginda juga telah berusaha menghapuskan amalan tersebut dengan memberi contoh dan teladan yang terbaik. Baginda sentiasa menunjukkan ahlak yang mulia seperti bercakap benar, pemaaf dan penyabar. Selain itu, baginda telah menggunakan kaedah yang sangat baik ketika berdakwah iaitu tidak memaksa Baginda menyorotkan nilai-nilai dan cara hidup yang dianjurkan oleh Islam dengan lemah lembut dan menghormati keputusan mereka sama ada ingin memeluk Islam atau tidak. Setenusnya, baginda turut menggunakan al-Quran untuk meheratkan kepada masyarakat tentang Islam dan wahyu yang telah diterima olehnya agar mereka membandingkan nilai-nilai tersebut dengan amalan jahiliyah.

Calon berjaya menerangkan cara Rasulullah SAW menghapuskan amalan tersebut iaitu melalui **penyebaran Islam** dan **penerapan nilai-nilai Islam** dalam kehidupan. Cara yang dikemukakan diuraikan dengan tepat berserta contoh-contoh yang bersesuaian. Perlu nyatakan berapa isi yang diperlukan.

Contoh Jawapan Sederhana

(b) Rasulullah SAW berusaha untuk menghapuskan amalan tersebut dengan melarang masyarakat daripada melakukan amalan Jahiliyah. Baginda telah menyebarkan wahyu pertama kepada masyarakat Jahiliyah yang diturunkan oleh Allah SWT. Amalan riba tidak boleh dijalankan oleh masyarakat tersebut. Nabi Muhammad SAW telah bertahannuth di Gua Hiraq untuk mendapatkan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT. Baginda juga telah memberikan hak yang sama kepada semua golongan jika seseorang itu beragama Islam. Dengan itu, perbezaan jurang sosial dapat dikurangkan. Selain itu, wahyu pertama telah melarang masyarakat Jahiliyah melakukan amalan Jahiliyah, masyarakat itu haruslah beriman kepada Allah SWT.

Isi yang dikemukakan oleh calon adalah **tidak mencukupi**. Isi jawapan yang dikemukakan **tidak diuraikan secara mendalam**. Perlu nyatakan berapa isi yang diperlukan.

Soalan 5 (c)

- (c) Amalan tersebut boleh menjejaskan keharmonian hidup masyarakat.
Huraikan pernyataan tersebut.

Soalan mengkehendaki calon menghuraikan kesan amalan tersebut terhadap keharmonian hidup masyarakat. Kesan yang dikemukakan oleh calon boleh terhadap masyarakat pada masa itu atau terhadap masyarakat pada masa kini. Kesan-kesan yang dikemukakan perlu diberikan penghuraian berserta contoh-contoh yang sesuai.

Contoh Jawapan Cemerlang

c) Amalan tersebut boleh menjejaskan keharmonian hidup masyarakat kerana terdiri daripada masyarakat yang berakhlak rendah. Dengan ini, rakyat akan mudah melibatkan diri dalam gejala-gejala yang tidak sihat sehingga menjejaskan imej diri sendiri dan negaranya. Mereka juga akan hidup dalam keadaan kuat-kacir dan tiada semangat kesepakatan antara satu sama lain. Oleh itu, perpaduan yang kukuh antara masyarakat tidak akan tercapai bagi mengekalkan keamanan negara. Bukan itu sahaja, amalan ini akan menjejaskan tahap pembangunan dan kemajuan negara kerana rakyat sendiri yang tidak berusaha untuk menyumbang terhadapnya. Keadaan politik negara akan menjadi tidak stabil dan kedaulatan negara tidak boleh dipertahankan kerana masyarakat tidak berusaha untuk mengekalkannya. Dengan ini, masyarakat sudah tentu tidak akan hidup dalam keadaan sejahtera dan bahagia dan ~~perlu~~ hidup dan keadaan yang penuh dengan ketenteraman.

Calon berjaya mengemukakan **jawapan secara holistik** di mana isi yang dikemukakan dalam **jawapan dihuraikan secara mendalam dan berlapis-lapis** serta diikuti dengan inferens. Huraian yang dikemukakan saling berhubung kait antara satu sama lain yang menghasilkan jawapan secara holistik.

Perlu selaras dengan kehendak soalan seperti petikan di atas.

Contoh Jawapan Sederhana

e)	Amalan tersebut boleh menjejaskan keharmonian hidup masyarakat. Amalan seperti merompak boleh membawa seseorang individu itu dikenakan hukuman. Ini akan menyebabkan masalah diri dan keluarga tertamat. Bukan itu sahaja, kehidupan masyarakat juga menjadi tidak aman. Contohnya, kes perompakan yang membawa maut kepada mangsa. Ini akan mengganggu corak kehidupan dan gaya hidup masyarakat terganggu. Selain itu, amalan jahiliah seperti remang-at assabrah boleh menimbulkan isu perpaduan dalam kalangan masyarakat. Contohnya, perhinaan antara kaum mewujudkan perousuhan fahaman. Ini akan mengganggu keharmonian dan keamanan kehidupan masyarakat.
----	---

Calon masih mampu mengemukakan fakta **tetapi dalam jumlah isi yang tidak mencukupi**. Huraian terhadap fakta yang dikemukakan juga adalah **tidak terperinci**.

Perlu nyatakan berapa isi yang diperlukan.

Soalan 6(a)

6 Maklumat berikut berkaitan dengan sumbangan kerajaan Islam kepada dunia.

Bermula daripada kerajaan Khulafa al-Rasyidin hingga kepada kerajaan Turki Uthmaniyah telah terbukti bahawa kerajaan-kerajaan Islam menyumbang kepada kegemilangan tamadun dunia dalam pelbagai bidang.

Sumber: Ubahsuai daripada "Library-Islamweb.net"

(a) Jelaskan sumbangan kerajaan Islam dalam bidang ilmu pengetahuan.

Soalan mengkehendaki calon menjelaskan sumbangan kerajaan-kerajaan Islam dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 4 Bab 6. Jawapan yang dikemukakan oleh calon hendaklah berdasarkan perkembangan ilmu pengetahuan, disiplin ilmu dan tokoh-tokoh ilmunan yang terdapat dalam kerajaan-kerajaan Islam pada masa itu.

Contoh Jawapan Cemerlang

6(c)	<p>Sumbangan kerajaan Islam dalam bidang ilmu pengetahuan ialah pembinaan baitulhikmah. Hal ini demikian kerana baitulhikmah merupakan sebuah pusat pengajian serta pusat intelektual. Baitulhikmah merupakan tempat penyimpanan karya terjemahan golongan ulama bagi penduduk tempatan mempelajari ilmu pengetahuan. Selain itu, kemunculan kota Baghdad. Bukti yang kota Baghdad merupakan pusat penyebaran ajaran Islam dan pusat pentadbiran. Hal ini demikian kerana kota Baghdad dapat menyebarkan ajaran Islam serta ilmu pengetahuan secara luas kepada pedagang asing. Seterusnya, penterjemahan karya asing dari negara Eropah. Bukti yang Eropah pada masa itu mengalami Zaman Gelap dan tiada ilmu pengetahuan. Penterjemahan karya asing dari negara Eropah turut menambahkan ilmu pengetahuan tentang Eropah dari bidang sains dan bahasa. Kerannya, Eropah barulah muncul Zaman Renaisance yang bermaksud kelahiran semula serta kemunculan semangat inkuiri yang tinggi. Lebih-lebih lagi, teknik tiga tahap yang merangkumi teknik menedit, teknik mengumpul serta teknik mengarang. Bukti yang golongan ulama semasa kerajaan Bani Abbasiyah menggunakan tiga teknik ini untuk menterjemahkan karya kewasteraan asing. Hal ini demikian kerana teknik tersebut dapat menyempurnakan karya terjemahan supaya sempurna dan lengkap.</p>
------	---

Calon berjaya menjelaskan **sumbangan tamadun Islam dalam bidang ilmu pengetahuan** dengan tepat. Sumbangan yang dikemukakan telah **dihuraikan secara mendalam** dan kriteria '**lengkap**'.

Contoh Jawapan Sederhana

- a) Sumbangan kerajaan Islam dalam bidang ilmu pengetahuan eters ialah penyebarkan ilmu. Ini kerana, pada zaman kegemilangannya orang Barat telah kurang menghormani ilmu. Dengan wujudnya kemajuan ilmu orang Islam, orang Barat dapat menghormatinya semula. Selain itu, kerajaan Islam telah mengumpul dan memperkembangkan ilmu. Al-Quran juga menjadi sumber ilmu dunia dan akhirat. Kerajaan Islam juga telah memajukan pelajaran dengan mewujudkan tempat belajar.

Calon hanya berjaya mengemukakan **sebahagian daripada jawapan yang diperlukan** dalam tugas. Isi yang dikemukakan tidak diberikan huraian yang kriteria mendalam.

Soalan 6(b)

- (b) Mengapakah kerajaan Islam berjaya menjadi pusat kecemerlangan ilmu pengetahuan?**

Soalan mengkehendaki calon menjelaskan sebab-sebab kerajaan-kerajaan Islam menjadi pusat kecemerlangan ilmu pengetahuan. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 4 Bab 6. Calon perlu menjelaskan sebab dengan tepat serta memberikan huraian yang mendalam dan contoh-contoh yang bersesuaian.

Contoh Jawapan Cemerlang

- 6(c) Sumbangan kerajaan Islam dalam bidang ilmu pengetahuan ialah pembinaan baitulhikmah. Hal ini demikian kerana baitulhikmah merupakan sebuah pusat pengajian serta pusat intelektual. Baitulhikmah merupakan tempat penyimpanan karya terjemahan golongan ulama bagi penduduk tempatan mempelajari ilmu pengetahuan. Selain itu, kemunculan kota Baghdad. Bukti, kota Baghdad merupakan pusat penyebaran ajaran Islam dan pusat pentadbiran. Hal ini demikian kerana kota Baghdad dapat menyebarkan ajaran Islam serta ilmu pengetahuan secara luas kepada pedagang asing. Seterunya, penterjemahan karya asing dari negara Eropah. Bukti, Eropah pada masa itu mengalami Zaman Gelap dan tiada ilmu pengetahuan. Penterjemahan karya asing dari negara Eropah turut menambahkan ilmu pengetahuan tentang Eropah dari bidang sains dan bahasa. Kerananya, Eropah barulah muncul Zaman Renaissance yang bermula kelahiran semula serta kemunculan semangat inkuiri yang tinggi. Lebih-lebih lagi, teknik tiga tahap yang merangkumi teknik mencatat, teknik mengumpul serta teknik mengarang. Bukti, golongan ulama semasa kerajaan Beni Abbasiyah menggunakan tiga teknik ini untuk menterjemahkan karya kewarisan asing. Hal ini demikian kerana teknik tersebut dapat menyempurnakan karya terjemahan supaya sempurna dan kompleks.
- Wing dari negara Eropah turut menambahkan ilmu pengetahuan tentang Eropah dari bidang sains dan bahasa dalam kalangan penduduk. Kerananya, Eropah barulah muncul Zaman Renaissance yang bermula kelahiran semula serta kemunculan semangat inkuiri yang tinggi. Lebih-lebih lagi, teknik tiga tahap yang merangkumi teknik mencatat, teknik mengumpul serta mengarang. Bukti, golongan ulama semasa kerajaan Beni Abbasiyah telah menggunakan tiga teknik ini untuk menterjemahkan karya kewarisan asing. Hal ini demikian kerana teknik tersebut dapat menyempurnakan karya terjemahan supaya sempurna dan kompleks. Bukan itu sahaja, pedagang Islam juga menyebarkan ilmu dan ajaran Islam ke seluruh dunia. Bukti, pedagang Islam pernah berdagang di Canton di China serta menyebarkan fahamannya di sana. Pada masa yang sama, kebudayaan serta ilmu pengetahuan Islam dapat disebarkan secara luas. Penganut agama Islam yang mencontohi sifat keperibadian Nabi Muhammad juga faktor kerajaan Islam berjaya menjadi pusat kecemerlangan ilmu pengetahuan. Bukti, Nabi Muhammad memiliki sifat fatmah yang bermula bijaksana. Oleh itu, kebanyakan penganut agama Islam bijak mempelajari dan mengaji karya kewarisan dari negara yang lain.

Calon berjaya mengemukakan isi yang berkaitan dengan sebab kerajaan Islam menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan. Isi yang dikemukakan **dihuraikan secara jelas** berserta **contoh-contoh yang bersesuaian**.

Contoh Jawapan Sederhana

(b) Kerajaan Islam berjaya menjadi pusat kecemerlangan ilmu pengetahuan kerana penduduk kerajaan Islam memiliki sifat terbuka. Mereka telah menterjemahkan karya-karya asing seperti dari Eropah. Karya-karya tersebut telah diterjemahkan di baitulhikmah. Selain itu, cendekiawan Islam juga memupuk semangat ingin tahu. Seterusnya, penduduk kerajaan Islam juga mahir dalam membina kapal. Dengan itu, pedagang-pedagang Islam dapat pergi ke kerajaan lain untuk berniaga sambil mendapat ilmu pengetahuan di kerajaan itu. Di samping itu, pedagang Islam yang pulang dari tanah lain akan menguar-uarkan ilmu pengetahuan yang didapati oleh mereka. Kesan positifnya, mereka dapatlah memajukan pelbagai bidang di kerajaan Islam dengan ilmu pengetahuan yang baru itu.

Jumlah isi yang dikemukakan oleh calon **tidak memenuhi kehendak tugas**. Isi-isi tersebut **tidak dihuraikan secara mendalam** malahan ada **huraian yang tidak memenuhi kehendak tugas**.

Soalan 6(c)

(c) **Kecemerlangan ilmu pengetahuan merupakan asas kemajuan sesuatu bangsa. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.**

Soalan mengkehendaki calon mengemukakan bukti yang menyokong kebenaran pernyataan kecemerlangan ilmu pengetahuan merupakan asas kemajuan sesuatu bangsa. Bukti-bukti yang dikemukakan perlulah disokong oleh fakta-fakta sejarah yang dipelajari oleh calon.

Contoh Jawapan Cemerlang

(c) Kecemerlangan ilmu pengetahuan merupakan asas kemajuan sesuatu bangsa. Hal ini demikian kerana, masyarakat yang berpengetahuan luas menunjukkan mereka mahir dalam pelbagai jenis bidang. Hal ini menyebabkan mereka mampu untuk mengkaji pelbagai bidang seperti perubatan, kesannya, penerokaan dan penciptaan alatan baru dilaksanakan oleh itu, masyarakat akan disegani oleh masyarakat luar. Selain itu, bangsa yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas tidak perlu bergantung harap terhadap negara luar. Hal ini kerana, mereka boleh menggunakan penciptaan teknologi baru agar diguna pakai di negara sendiri. Dengan ini, penjimatan kos juga dapat dilakukan. Sebagai contoh, penciptaan cangkul dan ^{sabit} sabut pada tamadun Hwang Ho digunakan sehingga kini. Kesannya, masyarakat akan dihormati dan disanjung oleh negara luar.

Calon berjaya mengemukakan isi yang berkaitan dengan kepentingan ilmu pengetahuan dengan tepat. Isi yang dikemukakan telah **dihuraikan secara holistik** (kriteria/ciri holistik) dan mendalam dengan disokong oleh contoh-contoh yang bersesuaian. Calon juga berjaya mengemukakan **inferens** terhadap isi yang diperbincangkan.

Contoh Jawapan Sederhana

c) Kecemerlangan ilmu pengetahuan merupakan asas kemajuan sesuatu bangsa kerana rakyat yang mempunyai ilmu pengetahuan dapat meningkatkan ekonomi negara dan membangunkan negara. Rakyat yang berilmu pengetahuan dapat memberikan sumbangan kepada negara. Ilmu pengetahuan membolehkan masyarakat untuk bergaul dengan satu sama lain dengan lebih harmoni dan mengelakkan perselisihan faham. Dengan ini, perpaduan antara rakyat dapat diwujudkan. Negara akan menjadi lebih aman dan damai. Ilmu pengetahuan juga berperanan penting dalam pembangunan negara. Negara akan menjadi maju jika mempunyai rakyat yang mempunyai ilmu pengetahuan. Ini membolehkan bangsa negara kita berduduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara lain. Seterusnya, ilmu pengetahuan yang cemerlang dapat memajukan pelbagai bidang di negara kita.

Calon berjaya mengemukakan isi dalam jumlah yang tidak mencukupi kehendak tugas. Isi yang dikemukakan tidak dihuraikan secara mendalam.

Soalan 7(a)

- 7** Maklumat berikut berkaitan dengan kepentingan perusahaan getah di Tanah Melayu terhadap British.

Ladang getah di Tanah Melayu bukan sahaja menjadi sumber kekayaan yang besar bagi syarikat-syarikat British dan pemegang saham mereka bahkan membekalkan kerajaan British produk yang penting dan strategik sama ada untuk kegunaan semasa perang atau ketika aman. Keseimbangan pembayaran Britain juga banyak bergantung kepada eksport getah Tanah Melayu.

Sumber: *James Hagan : The British and rubber in Malaya, 1890-1940, University of Wollongong.*

- (a)** Jelaskan usaha yang dibuat oleh British untuk memperluas tanaman getah.

Soalan mengkehendaki calon menjelaskan usaha British bagi memperluaskan tanaman getah di Tanah Melayu. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 4 Bab 10. Usaha-usaha tersebut perlu diperjelaskan dan perlu disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.

Contoh Jawapan Cemerlang

7(a) Usaha yang dibuat oleh British untuk memperluas tanaman getah ialah peranan Sir Henry N. Ridley. Hal ini demikian kerana beliau mengagihkan benih getah secara percuma kepada rakyat tempatan. Beliau juga telah menganjurkan pameran tentang faedah penanaman getah. Selain itu, dasar British yang mantap dalam usaha memperluas tanaman getah. Hal ini demikian kerana pihak British memberikan tanah yang luas kepada pengusaha ladang dengan sewajarnya yang rendah. Pihak British juga mengenakan cukai yang rendah tentang tanaman getah. Buktiinya, cukai eksport getah telah dikurangkan selama 50 tahun. Setemunya, pihak British juga menghubungkan syarikat-syarikat perkulatan dalam pengusaha ladang getah. Contohnya, Sime Darby. Hal ini demikian kerana syarikat-syarikat perkulatan akan membeli tanah serta mengurus ladang tanaman getah. Lebih-lebih lagi, pihak British juga membina infrastruktur. Contohnya, pihak British telah membina landasan keretapi api dan jalan raya. Hal ini demikian kerana infrastruktur sebegini dapat mempercepatkan perjalanan penghantaran getah dari ladang getah ke pelabuhan. Bukan itu sahaja, pihak British juga mengagihkan kemiskinan buruh asing. Buktiinya, kemiskinan buruh asing dari India dan China. Hal ini demikian kerana buruh tersebut dapat membekalkan tenaga untuk bekerja di ladang getah.

Calon dapat mengemukakan isi jawapan melebihi daripada peruntukan dalam soalan. Setiap isi **dihuraikan dengan lengkap** disertakan dengan **contoh-contoh yang sesuai**.

Contoh Jawapan Sederhana

(a) Usaha yang dibuat oleh British untuk memperluas tanaman getah ialah melaburkan wang yang banyak. Kilang-kilang baru dibina bagi memajukan lagi perusahaan getah. Selain itu, British membawa masuk buruh-buruh untuk menoreh getah iaitu ~~orang~~ masyarakat Melayu. Hal ini kerana, tenaga kerja yang banyak amat diperlukan bagi mengerjakan hasil yang juga banyak.

Calon masih mampu mengemukakan isi jawapan tetapi dalam jumlah yang **tidak mencukupi** sebagaimana yang diperuntukkan dalam soalan. Isi yang dikemukakan **bercampur aduk** dan **tidak relevan dengan soalan**.

Soalan 7(b)

(b) Terangkan kesan perusahaan getah terhadap Tanah Melayu.

Soalan mengkehendaki calon menerangkan kesan perkembangan perusahaan getah terhadap Tanah Melayu. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 4 Bab 10. Calon perlu menjelaskan kesan daripada pelbagai sudut.

Contoh Jawapan Cemerlang

7 (b) Kesan perusahaan getah terhadap Tanah Melayu ialah ekonomi Tanah Melayu terus meningkat. Hal ini demikian kerana getah merupakan tanaman komersial yang mempunyai pasaran dan bekalan yang luas. Contohnya Amerika Syarikat memerlukan getah. Selain itu, Tanah Melayu dapat menjalinan hubungan diplomatik yang erat dengan negara-negara Eropah. Hal ini demikian kerana Tanah Melayu membekalkan getah dalam kedar yang ramai kepada negara Barat. Contohnya Amerika Syarikat serta Britain. Seterusnya perusahaan getah telah membuka peluang pekerjaan yang banyak kepada penduduk tempatan. Hal ini demikian kerana perusahaan getah memerlukan kerahan tenaga yang ramai sehingga menyebabkan kemaraan bahan asing. Contohnya kemaraan bahan asing dari India dan China. Lebih-lebih lagi, Tanah Melayu menjadi tempat perdagangan. Hal ini demikian kerana banyak pedagang akan singah di Tanah Melayu untuk menjalankan aktiviti perdagangan. Bukan itu sahaja, pendapatan modal Tanah Melayu juga ditingkatkan. Hal ini demikian kerana pedagang asing perlulah membayar cukai untai berdagang di Tanah Melayu serta membeli getah. Perusahaan getah juga menyebabkan Tanah Melayu bertambah maju dalam pembinaan infrastruktur serta ke arah kemudahan. Hal ini demikian kerana pihak British telah membina landasan keretapi serta jalan raya untuk memudahkan pengangkutan getah dari ladang ke pelabuhan.

Calon berjaya mengemukakan isi jawapan yang **dihuraikan dengan lengkap** dan disertakan dengan **contoh yang sesuai**.

Contoh Jawapan Sederhana

(b) Kesan perusahaan getah terhadap Tanah Melayu ialah menjadikan masyarakat Melayu sebagai buruh yang bekerja di ladang getah. Selain itu, Tanah Melayu ~~itu~~ juga dikenali seluruh dunia. Hal ini demikian kerana, Tanah Melayu merupakan pengeluar terbesar hasil getah pada waktu itu. Seterusnya, Tanah Melayu juga berada di bawah pentadbiran British kerana dijajah. Hal ini menyebabkan kekayaan sumber alam semuanya dieksploitasi oleh British. Akibatnya, masyarakat Melayu semakin mundur. Bukan itu sahaja, Tanah Melayu juga menjadi ~~petabu~~ laluan kapal kapal pedagang luar. Hal ini demikian kerana kedudukannya yang strategik di antara laut China dan India. Akhir sekali, British juga membawa masuk buruh-buruh asing seperti masyarakat Cina dan India. Hal ini telah menyebabkan wujud masyarakat majmuk di Tanah Melayu.

Calon hanya mampu mengemukakan **sebahagian sahaja isi jawapan** yang diperlukan dan **huraian yang dikemukakan adalah tidak mendalam**. Terdapat isi jawapan yang **tidak relevan dengan kehendak tugas**.

Soalan 7(c)

(c) Mengapakah getah dianggap produk penting British pada abad ke-19 dan awal abad ke-20?

Soalan mengkehendaki calon menjelaskan kepentingan getah kepada British. Soalan yang dikemukakan berdasarkan sukatan Tingkatan 4 Bab 9 dan Bab 10 serta pengetahuan sedia ada calon. Jawapan calon perlu merangkumi fakta yang tepat, huraian yang mendalam dan contoh yang sesuai.

Contoh Jawapan Cemerlang

(c) Getah dianggap produk penting British pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 kerana British melalui Revolusi Perindustrian. ~~Di~~ Dengan ini, British memerlukan getah sebagai bahan mentah untuk menyiapkan barangan. Contohnya, kasut getah dan tayar kereta. Selain itu, permintaan getah amat tinggi pada zaman tersebut. Oleh itu, British menganggap ~~per~~ getah penting untuk mendapatkan keuntungan. Dengan ini, British telah mengupah buruh asing untuk bekerja di Tanah Melayu. Kesannya, British dapat memaksimumkan keuntungannya. Di samping itu, British menganggap ^{getah sebagai} produk penting kerana terdapat pelabur-pelabur asing seperti pelabur Eropah yang melabur dalam bidang perusahaan getah. Getah juga dianggap produk penting kerana Tanah Melayu merupakan negara pengeluar getah terbesar pada masa itu.

Calon berjaya membuat **penilaian tentang kepentingan produk getah kepada pihak British**. Isi jawapan yang dikemukakan adalah **mencukupi sebagaimana peruntukan markah**. Isi juga **dihuraikan dengan tepat** berserta **contoh-contoh yang sesuai**.

Contoh Jawapan Sederhana

Pada pendapat saya, getah dianggap produk penting British pada abad ke-19 dan awal ke-20 kerana getah diperlukan untuk melancarkan revolusi perindustrian British. Hal ini kerana getah digunakan untuk menghasilkan produk yang berkualiti seperti tayar, dompet dan sebagainya. Selain itu, getah memberi pendapatan yang lumayan kepada British untuk membiayai keperluan peperangan dan mendudukkan pentadbiran dengan licin. Seterusnya, getah dapat menarik minat pelabur asing untuk melaburkan modal dalam kegiatan getah.

Isi yang dikemukakan oleh calon **tidak mencukupi**. Hanya terdapat **satu sahaja isi yang dihuraikan** dengan lengkap dan disertakan dengan **contoh yang bersesuaian**.

Soalan 8(a)

8 Maklumat berikut berkaitan dengan campur tangan British di Perak.

Apabila Perjanjian Pangkor dikuatkuasakan pada 20 Januari 1874, James Wheeler Woodford Birch (J.W.W. Birch) dilantik menjadi Residen British yang pertama di Perak. Penglibatan British dalam pentadbiran Perak telah mencetuskan pergesehan antara orang Melayu dengan British sehingga membawa kepada pembunuhan J.W.W. Birch pada 2 November 1875.

Sumber: *Pasir Salak, Abdullah Zakaria Ghazali, Yayasan Perak, 1971*

(a) Jelaskan tindakan J.W.W. Birch sehingga menyebabkan berlaku pergesehan antara orang Melayu dengan British.

Soalan mengkehendaki calon menjelaskan tindakan J.W.W. Birch yang menyebabkan penentangan orang Melayu di Perak. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 5 Bab 3.

Contoh Jawapan Cemerlang

(a)

Tindakan J.W.W. Birch sehingga menyebabkan berlaku pergesehan antara orang Melayu dengan British ialah J.W.W. Birch tidak tahu berbahasa Melayu. Selain itu, J.W.W. Birch juga tidak menghormati adat resam tempatan. Beliau telah menghapuskan kuasa pengutipan cukai pembesar sehingga pembesar kehilangan hak. Tambahan pula, J.W.W. Birch mencampuri adat resam tempatan dan menguasai kerajaan para pembesar. J.W.W. Birch memungkirkan fungsinya sebagai penasihat raja seperti yang dipersetujui dalam Perjanjian Pangkor.

Calon berjaya mengemukakan isi (tindakan J.W.W. Birch yang telah menyebabkan penentangan orang Melayu di Perak) dalam jumlah isi yang mencukupi. Isi yang dikemukakan diuraikan dengan lengkap.

Contoh Jawapan Sederhana

Tindakan J-w-w Birch sehingga menyebabkan berlaku pergeseran antara orang Melayu dengan British ialah J-w-w Birch bertindak luar dari bidang kuasa seorang Residen. Selain itu, kuasa Sultan atau Raja Melayu diambil alih oleh J-w-w Birch. Justeru, J-w-w Birch melanggar perjanjian Pangkor Di samping itu, J-w-w Birch mengenakan cukai yang tinggi terhadap rakyat.

Calon mengemukakan isi (tindakan J.W.W. Birch) dalam jumlah isi yang tidak mencukupi dan terdapat isi yang berulang.

Soalan 8(b)

(b) Terangkan tindakan orang Melayu terhadap campur tangan tersebut.

Soalan mengkehendaki calon menerangkan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh orang Melayu terhadap campur tangan British di Perak. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 5 Bab 3. Bagi menghasilkan jawapan yang mantap, tindakan yang dibincangkan perlu **disusun secara kronologi**.

Contoh Jawapan Cemerlang

(b)

Tindakan orang Melayu terhadap campur tangan tersebut adalah dengan mengadakan bantahan terbuka. Bantahan terbuka oleh Raja Abdullah, Dato Maharaja Lela dan pembesar Melayu tempatan, bertujuan untuk membantah campur tangan Brituh dalam adat resam mereka. ^{Dato' Maharaja Lela telah membina kubu di Pasir Salak.} Selain itu, masyarakat telah diadakan di Kuan sebatang antara Dato' Maharaja Lela, pembesar Melayu dan orang tempatan untuk menentang undang-undang Brituh. Tambahan pula, selepas berseyuarat di Belanja, Dato' Maharaja Lela telah mengambil tanggungjawab ~~ada~~ untuk membunuh J. N. N. Birch. Walaupun Dato' Maharaja Lela menentang Brituh tetapi Raja Abdullah terpaksa menyerahkan Perak kepada British. Orang suruhan Brituh, telah dibunuh oleh orang tempatan semasa menampal poster cukai di Pasir Salak. Sepuluh dan Pandak Imam, ^{dan lain-lain} telah membunuh J. N. N. Birch di Pungai Salak, Pasir Salak. British telah mengarahkan pasukan polis untuk menyerang Pasir Salak dan kawasan-kawasan yang terlibat. Dato' Maharaja Lela dan Dato Sago pulca bertani ke kota Lama.

Isi jawapan (tindakan orang Melayu) yang dikemukakan oleh calon telah disusun secara kronologi dan dihuraikan secara relevan dengan contoh yang bersesuaian.

Contoh Jawapan Sederhana

(b) Tindakan orang Melayu terhadap campur tangan tersebut ialah mereka telah menandatangani Perjanjian Pangkor 1874 dengan Sir Andrew Clarke. Selain itu, ~~mereka telah mengadakan~~ pemimpin tempatan telah berhimpun di Dunian Sebatang untuk membincangkan penentangan terhadap undang-undang British. Selanjutnya, ~~pemimpin tempatan~~ juga Dato Maharaja Lela bersetuju mereka berhimpun di Belanja untuk membincangkan pembunuhan J.W.W. Birch. Di samping itu, seorang British telah dibunuh semasa menampal poster. Bukan itu sahaja, J.W.W. Birch akhirnya telah dibunuh. Pembunuhan J.W.W. Birch telah menyebabkan Dato Maharaja Lela dan pemimpin tempatan lain ditangkap oleh British. Dato Maharaja Lela telah dijatuhkan hukuman bunuh. Pemimpin tempatan yang lain juga dikenakan hukuman berat seperti digantung.

Isi jawapan yang dikemukakan oleh calon **tidak mencukupi** dan **tidak disusun secara kronologi**. Ada isi yang **berulang** dan **bercampur aduk** dengan isi jawapan yang **tidak relevan** dengan kehendak tugasan.

Soalan 8(c)

(c) Bagaimanakah kedudukan British di Perak selepas peristiwa pembunuhan J.W.W Birch?

Kemukakan alasan anda.

Soalan mengkehendaki calon menyatakan kedudukan British di Perak selepas berlakunya peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch. **Alasan yang dikemukakan mestilah menyokong pendirian yang menyatakan kedudukan British menjadi semakin kukuh.**

Contoh Jawapan Cemerlang

c) Kedudukan British di Perak selepas peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch telah bertambah kukuh. Buktingya, British mengambil peluang pembunuhan ini untuk membunuh pemimpin tempatan. Hal ini mematahkan segala pemberontakan yang berlaku dalam negeri. Lebih-lebih lagi, Perak tidak lagi mempunyai pemimpin yang berwibawa selepas pembunuhan J.W.W. Birch ~~kerana~~ maka rakyat tidak dapat meluahkan perasaan tidak puas hati kep- terhadap British secara efektif. Selain itu, kedudukan British di Perak selepas peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch menjadi lebih kukuh kerana kejadian ini mematahkan semangat rakyat. Buktingya, selepas kematian Dato' Maharaja Lela dan rakan-rakannya, penduduk tempatan menjadi takut kepada British. Hal ini menyebabkan mereka tidak berani bersuara menentang British kerana akan ditimpa hukuman berat. Situasi ini membetarkan British meneruskan penjajahan tanpa apa halangan. Contohnya, mereka boleh terus mengeksploitasi kekayaan bahan mentah tempatan tanpa gangguan pemimpin dan penduduk tempatan.

Calon dapat menjelaskan kedudukan British selepas berlakunya peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch iaitu kedudukan British bertambah kukuh. Alasan yang dikemukakan adalah tepat dan dihuraikan secara mendalam dengan disertakan contoh-contoh yang bersesuaian.


Contoh Jawapan Sederhana

(c) Kedudukan British di Perak selepas peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch masih dikekalkan. Hal ini dikatakan demikian kerana ~~se~~ hampir semua pemimpin tempatan yang terlibat dalam pembunuhan J.W.W. Birch telah ditangkap dan dikenakan hukuman berat oleh mahkamah British. Dengan itu, tiada pemimpin tempatan yang mengetuai rakyat tempatan melakukan gerakan penentangan terhadap pihak British. Rakyat tempatan juga takut mereka akan dijatuhkan hukuman berat seperti Dato Maharaja Lela dan penolongnya.

Calon masih dapat menjelaskan kedudukan British selepas berlakunya peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch iaitu kedudukan British bertambah kukuh. Namun begitu alasan yang dikemukakan walaupun tepat **tetapi dalam jumlah yang tidak mencukupi dan tidak dihuraikan dengan relevan.**

Soalan 9(a)

9. Peta 2 menunjukkan wilayah yang terlibat dengan pembentukan Persekutuan Malaysia 1963.



Peta 2

- (a) Penggabungan wilayah tersebut merupakan satu tindakan yang rasional.
Terangkan pernyataan tersebut.

Soalan mengkehendaki calon menerangkan sebab-sebab pembentukan Persekutuan Malaysia. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 5 Bab 6. Jawapan calon perlu **merangkumi sebab pembentukan daripada pelbagai aspek** seperti aspek politik, ekonomi dan sosial berserta huraian yang terperinci dengan sokongan contoh-contoh yang sesuai.

Contoh Jawapan Cemerlang

a) Penggabungan wilayah tersebut dapat menjamin masa hadapan yang cerah. Ini kerana, kerjasama ekonomi dapat dilakukannya. Contohnya, Sabah dan Sarawak kaya dengan hasil hutan, manakala Tanah Melayu kaya dengan bijih timah. Selain itu, penduduk dapat bertambah dengan seimbang. Jikalau hanya Singapura dan Tanah Melayu bergabung, komposisi orang Melayu tidak seimbang. Penggabungan ini juga dapat membendung masalah komunis. Lantaran itu, memerdekakan negara Singapura dan Sabah dan Sarawak lebih awal. Ini juga mencapai matlamat dekolonisasi British.

Jawapan calon **menepati kehendak tugas**. Isi jawapan yang dikemukakan oleh calon adalah dalam jumlah yang melebihi daripada peruntukan dalam tugas. Isi-isi yang dikemukakan **dihuraikan dengan relevan** dan **dikemukakan contoh-contoh yang bersesuaian**.

Contoh Jawapan Sederhana

a) Pada pendapat saya, penggabungan wilayah tersebut merupakan tindakan yang rasional kerana dapat membentangi ancaman komunis yang ingin menguasai sebarang wilayah. Selain itu, penggabungan wilayah dapat memantapkan ekonomi bersama-sama. Selanjutnya, keselamatan negara akan terjamin.

Calon hanya mampu mengemukakan **sebahagian daripada isi** yang diperlukan dan isi-isi tersebut **tidak dihuraikan**.

Soalan 9(b)

- (b) Usaha untuk membentuk Persekutuan Malaysia penuh dengan rintangan. Buktikan pernyataan tersebut.

Soalan mengkehendaki calon **menjelaskan rintangan yang dihadapi** dalam membentuk Persekutuan Malaysia. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 5 Bab 6. Rintangan yang dikemukakan oleh calon **berkaitan reaksi dalam negara dan luar negara** terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia. Rintangan yang dikemukakan perlu dihurai dengan jelas.

Contoh Jawapan Cemerlang

Pemnyataan tersebut dapat dituktikan dengan penentangan dari Indonesia. Pada tahap yang awal negara Indonesia tidak menunjukkan sebarang penentangan terhadap pembentukan Malaysia. Walau bagaimanapun, pihak komunis di Indonesia telah menganggap pembentukan Malaysia sebagai satu bentuk penjajahan baru oleh pihak Barat. Bukan itu sahaja, Presiden Soekarno telah dipengaruhi oleh perbapat Parti Komunis Indonesia. Oleh itu, negara Indonesia telah melancarkan dasar konfrontasi terhadap Gagasan Malaysia. Negara Indonesia telah melakukan pencecebonan udara dan telah menjerang kapal-kapal nelayan Tanah Melayu. Indonesia juga telah membunikan nama baik Malaysia kepada negara-negara Afro-Asia serta negara-negara Dunia Ketiga. Seterusnya Indonesia juga telah memutuskan hubungan diplomatik dengan negara Malaysia.

Calon berjaya mengemukakan rintangan yang dihadapi dalam usaha ke arah pembentukan Persekutuan Malaysia. Namun begitu, rintangan yang dikemukakan oleh calon meliputi rintangan dari luar negara sahaja iaitu dari Indonesia tetapi telah diuraikan secara mendalam.

Contoh Jawapan Sederhana

(b) Usaha untuk membentuk Persekutuan Malaysia penuh dengan rintangan kerana Tunku Abdul Rahman terpaksa mengadakan rundingan bersama wakil dari Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei dalam idea penggabungan ini. Selain itu, ~~Malaysia~~ pembentukan ini ditentang oleh Soekarno iaitu pemimpin Indonesia. Tentangan ini dilakukan alasan pembentukan ini merupakan satu bentuk penjajahan baru. Seterusnya, pembentukan ini juga ditentang oleh Filipina kerana menyatakan bahawa Sabah merupakan sebahagian daripada Filipina. Tanah Melayu diserang oleh Soekarno dan tentera Indonesia, tetapi dipatahkan kerana Tanah Melayu mendapat bantuan daripada negara Komanwel. ~~isat~~ Negara tersebut ialah ~~Britain~~, Britain, Australia dan New Zealand. Pembentukan ini telah disahkan perlembagaannya oleh Ratu England, Queen Elizabeth II.

Jawapan calon **bercampur aduk** antara rintangan ke arah pembentukan Persekutuan Malaysia dan langkah ke arah pembentukan Persekutuan Malaysia. Rintangan yang dikemukakan adalah daripada pelbagai pihak tetapi jumlahnya masih **tidak mencukupi** dan **tidak dihuraikan**.

Soalan 9(c)

(c) Terdapat parti politik yang mencadangkan agar Indonesia dan Filipina turut serta dalam Persekutuan Malaysia.

Wajarkah cadangan tersebut?

Beri alasan anda.

Soalan mengkehendaki calon menyatakan **pendirian berkaitan dengan kewajaran melibatkan Indonesia dan Filipina dalam pembentukan Persekutuan Malaysia**. Jawapan calon perlu merangkumi fakta yang tepat, huraian yang mendalam dan contoh yang sesuai. **Jawapan boleh dikemukakan daripada dua sudut yang berbeza iaitu sama ada wajar atau tidak wajar**.

Contoh Jawapan Cemerlang 1

c) Ya, tindakan tersebut adalah wajar. Hal ini dikatakan demikian kerana, penyertaan Indonesia dan Filipina dalam Persekutuan Malaysia dapat menjamin keselamatan negara. Negara-negara tersebut dapat memupuk semangat kerjasama antara satu sama lain dan sedia membantu pihak yang memerlukan bantuan. Bantuan boleh diberi dari segi bantuan ketenteraan dan pertahanan serta kewangan. Keadaan ini akan mengeratkan lagi hubungan yang erat antara negara-negara tersebut dalam usaha untuk mencapai kemajuan pada masa depan. Di samping itu, penggabungan ini dapat memelihara keamanan negara kerana sebarang pertelingkahan dan persengketaan antara negara dapat dielakkan. Oleh itu, setiap negara dapat berusaha untuk memajukan tahap pembangunan negara dari aspek politik, ekonomi dan sosial kerana terdiri daripada satu persekutuan yang aman dan damai.

Contoh Jawapan Cemerlang 2

c) Tidak wajar. Hal ini dikatakan demikian kerana negara Indonesia dan Filipina akan mengancam hak serta kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera. Dengan penyatuan negara-negara tersebut, kadar ~~perpu~~ penduduk di Persekutuan Malaysia pasti akan berubah dan bilangan orang Melayu dan bumiputera akan mengurung. Sebagai contoh kemudahan pendidikan, infrastruktur serta peluang pekerjaan akan dikuasai oleh penduduk negara Indonesia dan Filipina. Hal ini akan menghalang kemajuan orang Melayu dan bumiputera di Persekutuan Malaysia. Di samping itu, penyatuan Indonesia dan Filipina juga tidak wajar kerana boleh meningkatkan kadar jenayah di Persekutuan Malaysia. Penduduk negara-negara tersebut tidak akan setia kepada raja dan negara serta berpotensi melancarkan perkara yang jahat. Sebagai contoh, seorang penduduk negara tersebut yang tidak mempunyai semangat cinta akan negara terhadap Persekutuan Malaysia akan melancarkan jenayah yang mengancam keamanan dan keselamatan negara seperti perompakan.

Kedua-dua contoh jawapan calon berjaya menyatakan pendiriannya sama ada wajar dan tidak wajar melibatkan Indonesia dan Filipina dalam pembentukan Persekutuan Malaysia. Pendirian calon telah disokong dengan alasan yang tepat dan alasan tersebut telah diuraikan dengan mendalam berserta contoh-contoh yang bersesuaian.

Contoh Jawapan Sederhana

c) Tidak wajar Hal ini kerana ketidakseimbangan penduduk akan berlaku disebabkan Indonesia mempunyai jumlah orang Melayu yang lebih ramai daripada orang Cina dan India. Hal ini menyebabkan kedudukan orang Cina dan India akan terancam. Selain itu, Indonesia dan Filipina telah menentang pembentukan Malaysia. Jika kedua-dua negara menyertai Persekutuan Malaysia, kedudukan Tanah Melayu akan terancam dan Indonesia akan mempunyai peluang ini untuk menindas masyarakat Tanah Melayu.

Calon dapat menyatakan pendirian **tetapi alasan yang dikemukakan bagi menyokong pendirian tidak mencukupi** dan pendirian tersebut **tidak dihuraikan secara relevan**.

Soalan 10(a)

10 Pernyataan berikut berkaitan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Penyata Razak (1956) dengan jelasnya mengutamakan perpaduan negara sebagai satu matlamat yang perlu dicapai. Perpaduan ini akhirnya dijadikan teras kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Sumber: *Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979*

(a) Jelaskan cadangan dalam Penyata Razak 1956 untuk mencapai perpaduan negara. [4 markah]

Soalan mengkehendaki calon menjelaskan cadangan-cadangan yang terkandung dalam Penyata Razak untuk mencapai perpaduan negara. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 5 Bab 8. Jawapan calon perlu tertumpu kepada kandungan Penyata Razak yang berkaitan perpaduan.

Contoh Jawapan Cemerlang

a) Cadangan dalam Penyata Razak 1956 untuk mencapai perpaduan negara ialah menubuhkan sekolah umum yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Sekolah jenis umum juga ditubuhkan, dan menggunakan Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Sekolah menengah Inggeris pula menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Peperiksaan awam menggunakan Bahasa Melayu untuk menjawab.

Calon dapat mengemukakan cadangan yang terkandung dalam **Penyata Razak yang berkaitan dengan usaha ke arah perpaduan**. Cadangan yang dikemukakan telah diuraikan secara mendalam.

Contoh Jawapan Sederhana

a) Cadangan dalam Penyata Razak 1956 untuk mencapai perpaduan negara ialah untuk menyatukan pelajar-pelajar yang berbangsa lain dengan mewujudkan penubuhan sekolah menengah kebangsaan. Selain itu, murid-murid juga dikehendaki belajar bersama-sama dengan kaum yang lain untuk mewujudkan perpaduan. Seterusnya, penubuhan sekolah vernakular pada peringkat rendah sahaja diwujudkan supaya murid-murid dapat belajar bersama-sama pada peringkat sekolah menengah.

Cadangan yang dikemukakan oleh calon dalam jawapan **tidak mencukupi sebagaimana kehendak tugasan**. Terdapat juga cadangan yang berulang walaupun dipersembahkan dalam **ayat yang tidak sama** tetapi masih membawa **maksud yang sama**.

Soalan 10(b)

Mengapakah perpaduan negara difokuskan dalam Penyata Razak?

Soalan mengkehendaki calon menjelaskan **sebab Penyata Razak memberikan fokus kepada perpaduan negara**. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 5 Bab 8.

Contoh Jawapan Cemerlang

(b) Perpaduan negara difokuskan dalam Penyata Razak supaya melahirkan masyarakat yang bersatu-padu. Rakyat yang bersatu-padu akan mengurangkan bertukarnya hum-tara dalam masyarakat supaya keamanan terjamin. Hal ini akan menyebabkan rakyat bekerjasama dan bertoleransi antara satu sama lain. Rakyat yang mempunyai sikap kerjasama akan membentuk ekonomi yang maju. Akibatnya, rakyat akan sayang ataupun cinta akan negara. Ini akan meningkatkan semangat patriotisme dalam masyarakat. Seterusnya, perpaduan negara difokuskan dalam Penyata Razak supaya masyarakat hidup dalam harmoni dan boleh menghapuskan amalan perkauman di negara kita. Nati-jahnya, rakyat akan menjadi senang.

Calon berjaya membuat penerangan secara terperinci berkaitan sebab **Penyata Razak** memberi fokus kepada **perpaduan negara**.

Contoh Jawapan Sederhana

6) Perpaduan negara difokuskan dalam Penyata Razak kerana perpaduan antara kaum dalam sesebuah negara amat penting untuk pembangunan negara. Dengan adanya perpaduan kaum, rakyat akan hidup dalam suasana yang sejahtera dan mampu mengamalkan sikap positif seperti bertolak-ansur, bekerjasama dan sebagainya dalam kehidupan seharian. Perpaduan negara juga difokuskan untuk melahirkan generasi muda yang tidak mementingkan diri sendiri dan mampu membuat keputusan yang dapat memberi kesan positif pada diri sendiri, masyarakat sekeliling dan negara. Selain itu, Penyata Razak turut memfokuskan perpaduan negara kerana masyarakat sebelum itu berada amat ganjil dan aping untuk benar-benar bersatu-padu dan mencapai matlamat negara. Dengan adanya perpaduan, kejadian seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969 tidak akan berulang.

Jawapan yang dikemukakan oleh calon dalam jumlah yang **tidak mencukupi dan tidak dihuraikan secara mendalam**. Masih terdapat **isi yang bercampur aduk** dengan isi yang **tidak relevan** dengan kehendak tugasan.

Soalan 10(c)

Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia.

...memastikan murid dilengkapi kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dunia yang sedang berubah dengan pengaplikasian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

Sumber: *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Bab 4 halaman 7.*

Mengapakah kerajaan fokus kepada matlamat tersebut?

Soalan mengkehendaki calon menghuraikan sebab pihak kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan memberikan tumpuan kepada aplikasi STEM dalam pendidikan. Jawapan calon perlu memberikan tumpuan kepada **kepentingan STEM dan matlamat pelaksanaan STEM dalam pendidikan**.

Contoh Jawapan Cemerlang

(c) Kerajaan fokus kepada matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia yang memastikan murid dilengkapi dengan pengaplikasian (STEM) supaya dapat membina generasi muda yang maju dalam bidang ~~teknologi~~ sains dan teknologi. Murid-murid dibenarkan galakkan bagi menambahkan ilmu pengetahuan tentang bidang teknologi maklumat seperti ICT supaya dapat melahirkan generasi yang bijak dalam pengurusan perniagaan dan perdagangan pada masa depan. Contohnya, kerajaan telah menyediakan kemudahan makmal komputer dan pelajaran ICT di setiap sekolah supaya generasi muda dapat memahirkan diri dalam ilmu penggunaan komputer sejak kecil. Kesannya, generasi muda boleh menyumbang kepada negara dalam segi ekonomi pada masa depan.

Selain itu, kerajaan fokus kepada matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia supaya dapat mengembangkan bidang penyelidikan dan pembangunan negara, RND Murid-murid yang dilengkapi dengan ilmu sains yang mantap boleh menjadi penyelidik di universiti-universiti terunggul di negara kita. Contohnya, murid-murid boleh menyumbangkan dalam segi ekonomi pertanian seperti komoditi getah, dengan mengemukakan idea dan inovasi baru bagi meningkatkan produktiviti. Impaknya, ekonomi negara akan meningkat dalam segi pengeksportan komoditi getah dengan menggunakan teknik dan cara baru.

Seterusnya, kerajaan fokus kepada matlamat tersebut untuk meningkatkan kadar cendekiawan dan ilmuwan serta mengurangkan kadar buta huruf dalam negara kita. Melalui kemahiran STEM, murid-murid dapat menambahkan ilmu pengetahuan sejak kecil dan menyebabkan mereka tertarik kepada kepentingan pendidikan. Kesannya, setiap anak murid di bangku sekolah dapat meningkatkan pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang dan cabang sains dan teknologi.

Calon berjaya mengemukakan **isi yang tepat dan mencukupi berkaitan dengan kepentingan STEM dan matlamat pelaksanaan STEM dalam pendidikan**. Isi yang dikemukakan dihuraikan secara mendalam dan disertakan dengan contoh-contoh yang bersesuaian dengan tugas. Calon juga mampu mengemukakan **inferens bagi jawapan yang dikemukakan**.

Contoh Jawapan Sederhana

- c) Kerajaan fokus kepada matlamat tersebut untuk meningkatkan tahap ilmu pengetahuan murid-murid. Ini dapat meningkatkan kemahiran pelajar di sekolah. Taraf pendidikan murid juga dapat ditingkat. Pelajar yang belajar kemahiran-kemahiran tersebut dapat memajukan bidang Sains dan Teknologi negara pada masa depan. Ini dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju. Selain itu, matlamat tersebut juga dapat menambah tenaga kemahiran negara. Negara kita tidak perlu membimbang akan kekurangan tenaga kerja dalam bidang-bidang yang amat diperlukan untuk memajukan negara seperti bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. Di samping itu, ekonomi negara juga dapat ditingkatkan kerana rakyat Malaysia yang mahir dalam semua bidang. Seterusnya, Wawasan 2020 dapat dicapai dan negara kita dapat berdujuk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara lain.

Calon masih mampu mengemukakan **isi yang tepat dengan kehendak tugas tetapi dalam jumlah yang tidak mencukupi dan tidak dihuraikan**. Berlakunya **pengulangan isi** dan terdapat juga isi yang tidak relevan dalam jawapan yang dikemukakan.

Soalan 11(a)

Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ditandatangani pada tahun 1945.

(a) Jelaskan matlamat Piagam PBB.

Soalan mengkehendaki calon menjelaskan matlamat Piagam PBB. Soalan berdasarkan sukatan Tingkatan 5 Bab 9.

Contoh Jawapan Cemerlang

a) Matlamat Piagam PBB adalah untuk memelihara keamanan dan memupuk kerjasama antara anggota-anggota negara PBB. Dengan ini, negara-negara tersebut dapat berkembang maju dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Selain itu, PBB juga menganjurkan persidangan antarabangsa bagi rakyat Palestin kerana ditindas oleh negara Israel. PBB juga menghantar pemerhati untuk menyelesaikan masalah dan memberi bantuan kepada negara yang memerlukannya.

Matlamat yang dikemukakan oleh calon dalam jawapan adalah tepat dan dalam jumlah yang mencukupi sebagaimana yang dikehendaki oleh tugas.

Contoh Jawapan Sederhana

(a) Matlamat Piagam PBB ialah untuk menjaga keamanan dunia. Setemunya, untuk menjamin kesejahteraan dunia, supaya peperangan tidak berlaku. Selain itu, untuk mewujudkan kerjasama negara-negara PBB. Di samping itu, untuk menjamin hubungan diplomatik.

Matlamat yang dikemukakan oleh calon dalam jawapan adalah dalam jumlah yang tidak mencukupi sebagaimana yang dikehendaki oleh tugas.

Soalan 11(b)

Gambar menunjukkan suasana peperangan yang berlaku di Timur Tengah.



Perang di Iraq

Sumber: <http://www.voa-islam.com/>



Perang di Syria

Sumber: <http://www.mimbar-rakyat.com/>

Terangkan faktor yang menyebabkan peperangan tersebut berlaku.

Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda.

Soalan mengkehendaki calon menerangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perang di negara-negara sebagaimana yang dinyatakan dalam soalan iaitu di Iraq dan di Syria. Calon boleh menggunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan sedia ada calon. Faktor yang dikemukakan oleh calon perlu diberikan penjelasan berserta contoh yang sesuai.

Contoh Jawapan Cemerlang

b) Faktor yang menyebabkan peperangan tersebut berlaku adalah kerana terdiri daripada rakyat yang berpecah-belah dan tiada semangat kesepakatan dalam diri mereka. Keadaan ini, akan mudah mencetuskan sebarang pertelingkahan dan perselisihan faham yang menyumbang kepada peperangan. Apabila rakyat tidak hidup dalam keadaan aman damai dan sentiasa menindas antara satu sama lain, keadaan ini menyebabkan peperangan berlaku. Bukan itu sahaja, negara-negara yang tidak menjalankan hubungan diplomatik dan sentiasa mempunyai hubungan renggang dengan negara luar akan memudahkan pencetusan perang. Itai ini dikatakan demikian kerana, negara yang tiada bantuan pertahanan atau ketenteraan untuk mengukuhkan keselamatan negaranya akan memberi peluang kepada negara luar untuk menjajah negara tersebut. Di samping ^{dengan ini, peperangan} itu, ^{berlaku} kelemahan pemimpin yang mentadbir negara secara tidak langsung akan menggugat keharmonian negaranya. Seorang pemimpin yang tidak berani dan bijak untuk memerintah negara ~~tidak~~ agar sentiasa berdaulat juga menyumbang kepada peperangan yang sering berlaku. Dengan ini, keadaan stabil sesebuah negara tidak ^{akan} tercapai dan memudahkan peperangan tercetus di negara tersebut.

Calon berjaya mengemukakan sebab berlakunya perang di negara-negara yang dikemukakan dalam soalan iaitu di Iraq dan Syria. Sebab-sebab yang dikemukakan telah diuraikan secara mendalam.

Contoh jawapan sederhana

(b) Faktor yang menyebabkan peperangan tersebut berlaku ialah kerana perbezaan fahaman antara negara. Selain itu, kecanggihan teknologi juga membawa kepada penciptaan alatan peperangan yang moden. Seterusnya, negara-negara mahu menajutkan perluasan kuasa. Tambahan pula, negara-negara terpengaruh dengan ideologi komunis.

Calon berjaya mengemukakan sebab berlakunya perang tetapi **secara umum** iaitu tidak berfokuskan di Iraq dan Syria. Sebab-sebab yang dikemukakan adalah **tidak mencukupi** dan tidak diberikan penghuraian.

Soalan 11(c)

Bagaimanakah PBB harus bertindak untuk menamatkan peperangan tersebut?

Soalan mengkehendaki calon mencadangkan usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh PBB bagi menamatkan perang tersebut iaitu perang di Iraq dan Syria. Usaha yang dikemukakan oleh calon perlu dijelaskan.

Contoh Jawapan Cemerlang

(c) PBB haruslah bertindak memberikan bantuan. Hal ini seperti bantuan dari segi makanan dan minuman berbentuk keperluan harian. Bukan itu sahaja, PBB perlu membentuk kerjasama antara negara lain bagi membantu menamatkan peperangan. Hal ini, mereka perlu memberikan idea tentang memperbaiki ekonomi, politik dan sebagainya. PBB perlu bertindak menangkap penganas yang memulakan peperangan. Hal ini agar tiada keuharaan berlaku lagi. Di samping itu, memberikan nasihat kepada rakyatnya. Hal ini seperti memberi galakan dan dorongan agar sentiasa bersabar dan bertindak mengikut akal fikiran. Tambahan pula, PBB perlu mengadakan berundingan beramai-ramai. Hal ini agar, dapat menyelesaikan masalah secara aman dan mengetahui masalah sebenar yang

Calon berjaya mencadangkan usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh PBB bagi menamatkan perang tetapi tidak memberikan fokus untuk menamatkan perang di Iraq dan Syria. Usaha yang dikemukakan telah dihuraikan dengan kriteria.

Contoh Jawapan Sederhana

c) PBB harus bertindak untuk menamatkan peperangan tersebut dengan mengadakan rundingan dengan negara-negara yang terlibat untuk berbincang tentang masalah yang dihadapinya. Dengan ini, anggota PBB dapat berusaha ~~inam~~ dalam memikirkan cara penyelesaian antara negara yang terlibat untuk menamatkan peperangan tersebut. Selain itu, PBB dapat memberikan bantuan dan segi kewangan, makanan dan pakaian kepada mangsa-mangsa perang tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, peperangan yang berlaku antara negara secara tidak langsung akan meninggalkan kesan terhadap rakyatnya. Oleh itu, PBB dapat memastikan mangsa-mangsa tidak hidup dalam penderitaan dan tidak menyumbang kepada peperangan akibat perasaan membenci mereka terhadap musuh yang terlibat dalam perang.

Calon mampu mengemukakan usaha yang boleh dilaksanakan oleh PBB tetapi dalam jumlah yang **tidak mencukupi**. Usaha yang dikemukakan **tidak diberikan penghuraian**. Terdapat juga usaha yang dikemukakan tidak relevan dengan kehendak tugas.

SARANAN KEPADA CALON

1. Semua tema dan tajuk yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran perlu dikuasai oleh calon. Buku teks (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5) mestilah menjadi rujukan utama calon. Namun begitu, bahan-bahan sejarah lain perlu juga dirujuk oleh calon untuk menambahkan pengetahuan sejarah mereka terutamanya untuk menjawab soalan-soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).
2. Calon perlu mengelakkan daripada bergantung kepada soalan ramalan kerana kebergantungan kepada soalan-soalan ramalan boleh merugikan calon jika soalan ramalan tersebut tidak dikemukakan dalam peperiksaan yang sebenar.
3. Bagi meningkatkan kemahiran menjawab, calon perlu memperbanyakkan latihan dengan menggunakan soalan-soalan SPM yang sebenar dan soalan-soalan percubaan negeri.
4. Calon perlu meneliti dan memahami semua kata tugas dalam soalan sebelum memilih soalan yang hendak dijawab. Pengetahuan berkaitan teknik menjawab soalan-soalan Kertas 2 seperti memahami kata tugas dan kehendak soalan juga perlu dikuasai oleh calon.
5. Calon perlulah terlebih dahulu menyenaraikan isi ringkas atau menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab sesuatu soalan. Rangka jawapan dapat membantu calon menguruskan masa yang betul agar tidak berlaku pembaziran masa.
6. Ketika menjawab soalan-soalan di bahagian B, calon disarankan menjawab soalan yang boleh menjamin pemerolehan markah yang maksimum kepada calon terlebih dahulu dan bukannya mengikut urutan nombor soalan yang dipilih.
7. Jawapan calon sebaik-baiknya haruslah dibuat dalam bentuk perenggan dan dengan ayat yang lengkap serta gramatis terutamanya bagi soalan esei. Setiap isi seharusnya dihuraikan dengan lengkap dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai. Disarankan jawapan bagi setiap pecahan soalan ditulis di muka surat yang baharu dalam buku jawapan.
8. Calon digalakkan menulis menggunakan laras bahasa yang mudah difahami dan gramatis. Calon perlu mengelakkan menulis jawapan menggunakan ayat ringkas dan tidak gramatis. Tulisan calon perlulah bersih dan senang dibaca oleh pemeriksa. Ini memudahkan pemeriksa untuk mengenal pasti fakta, huraian, contoh dan bukti yang dikemukakan calon dalam jawapannya.
9. Bagi menjawab soalan-soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), calon perlu memahirkan diri dengan soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) kerana biasanya soalan KBAT diperuntukkan markah yang agak banyak. Isu-isu semasa perlu dikuasai oleh calon bagi memudahkan calon menjawab soalan-soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Calon juga perlu berusaha untuk mengeluarkan idea yang bernas bagi menjawab soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

SARANAN KEPADA GURU

1. Pengajaran dan pembelajaran perlu meliputi keseluruhan tema dan tajuk yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran. Guru perlu memastikan calon menguasai setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah tingkatan 4 dan tingkatan 5.
2. Pelajar perlu didedahkan dengan cara menjawab soalan yang betul dan tepat. Oleh itu, bagi jawapan soalan bahagian B, guru perlu memastikan pelajar menggunakan sistem perenggan sewaktu mengarang jawapan dan menulis nombor dan pecahan soalan.
3. Guru mestilah memastikan pelajar tidak menjawab soalan dalam bentuk 'point form' kerana jawapan dalam bentuk 'point form' terutamanya bagi soalan esei, markah yang diperoleh calon markahnya akan dibahagi dua.
4. Guru hendaklah merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik terutamanya menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latih tubi yang berkesan dapat dilaksanakan dengan berkesan.
5. Guru mestilah mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid dan tidak berpusatkan guru. Guru perlu mengenal pasti kelemahan calon supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki lebih awal disamping mempertingkatkan prestasi mereka dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik.
6. Guru perlu menjadikan subjek Sejarah sebagai satu subjek yang menyeronokkan dan cuba tingkatkan minat pelajar terhadap subjek ini menerusi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik. Bagi menjadikan subjek Sejarah sebagai subjek yang menyeronokkan dan pelajar berminat dengan subjek Sejarah, guru boleh menggalakkan pelajar melaksanakan proses penemuan dan penyiasatan sendiri bagi mencari maklumat-maklumat yang berkaitan dengan sejarah.
7. Guru seharusnya memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan soalan yang berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) seawal di tingkatan empat lagi. Ini membolehkan calon mengaplikasikan kaedah menjawab soalan-soalan KBAT dalam setiap peperiksaan di peringkat sekolah bagi mengenal pasti tahap penguasaan calon.
8. Guru seharusnya melatih pelajar kaedah untuk menyampaikan huraian fakta secara berlapis-lapis atau selengkapnya terhadap setiap fakta yang dikemukakan oleh calon terutamanya untuk soalan esei.